



PERLEMBAGAAN

BADAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AN-NUR

TAMAN PELANGI SEMENYIH

Pendaftaran



<https://www.e-khairat.com/bkkannurtps>

**SURAU AN-NUR,
TAMAN PELANGI SEMENYIH,
LOT 5281, JALAN TPS 3/14,
TAMAN PELANGI SEMENYIH,
43500 SEMENYIH, SELANGOR,**

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Nama	3
2	Tafsiran	3
3	Alamat dan Tempat Mesyarat	3
4	Objektif	3
5	Keahlian	4 & 5
6	Kadar Sumbangan	5
7	Jumlah Manfaat Tabung	6
8	Syarat-Syarat Tuntutan	6
9	Prosedur Tuntutan	7
10	Kewangan	7 & 8
11	Pentadbiran	8
12	Lain-Lain Perkara	8
13	Lampiran A	9 & 10
14	Lampiran B	11

1. FASAL 1 : NAMA

Tabung ini ialah Tabung Khairat Kematian **Surau An-Nur Taman Pelangi Semenyih**, dan di sebut “Tabung Khairat”.

2. FASAL 2 : TAFSIRAN

- 2.1 **Badan Khairat Kematian (BKK) Surau An-Nur Taman Pelangi Semenyih** berperanan menguruskan tabung khairat kematian.
- 2.2 Jawatankuasa **Surau An-Nur TPS** (AJK Surau) berperanan sebagai jawatankuasa induk dalam sebarang keputusan berkenaan tabung dan polisi khairat.
- 2.3 Peserta yang berdaftar disebut sebagai Ahli.
- 2.4 Keluarga/Tanggungan yang berdaftar disebut sebagai Ahli yang dilindungi.
- 2.5 Sumbangan Khairat ini berkonsepkan Tabarru’ dimana jika tiada berlaku kematian keatas ahli atau ahli keluarga pada tahun tersebut, lanyanya dikira “sedekah” untuk membiayai pengurusan bagi ahli lain dan pengurusan berkenaan badan khairat.

3. FASAL 3 : ALAMAT

- 3.1 Alamat Tabung Khairat ialah:

**SURAU AN-NUR,
TAMAN PELANGI SEMENYIH,
LOT 5281, JALAN TPS 3/14,
TAMAN PELANGI SEMENYIH,
43500 SEMENYIH,
SELANGOR.**

4. FASAL 4 : OBJEKTIF

Tabung Khairat diwujudkan bertujuan membantu dan menampung keperluan kewangan Ahli dalam pengurusan jenazah. Selain itu, dana tersebut juga boleh digunakan untuk aktiviti berkaitan Badan Khairat Kematian **Surau An-Nur TPS**.

5. FASAL 5 : KEAHLIAN

5.1 Keahlian terbuka kepada:

5.1.1 Ahli Biasa (Keluarga dan Bujang) iaitu mereka yang tinggal di **TAMAN PELANGI SEMENYIH**.

5.1.2 Ahli Bersekutu iaitu mereka yang merupakan mantan ahli yang telah berpindah keluar daripada **TAMAN PELANGI SEMENYIH** namun masih mempunyai rumah di TPS dan berminat untuk menjadi ahli.

5.2 Senarai Ahli tanggungan yang dilindungi adalah seperti berikut:

5.2.1 Pemohon (Ahli).

5.2.2 Suami atau isteri.

5.2.3 Anak kandung (yang belum berkahwin) selain daripada (**Rujuk fasal 5.6**).

5.2.4 Anak angkat yang sah dari segi undang-undang.

5.2.5 Ibu bapa sendiri / mentua (yang tinggal bersama).

5.2.6 Datuk/Nenek (yang tinggal bersama)

5.2.7 Isteri kedua dan seterusnya (yang tinggal bersama).

5.3 Bagi Ahli Bersekutu manfaat terhad kepada Ahli dan Pasangan Sahaja.

5.4 Bermula 2025, kaedah permohonan keahlian adalah secara atas talian menerusi pautan <https://www.e-khairat.com/bkkannurtps>.

5.5 Anak yang telah berkahwin dan tinggal bersama perlu **Mendaftar Ahli secara berasingan**.

5.6 **Anak Kariah** yang berumur 25 tahun dan keatas yang belum

bekahwin dan sudah bekerja (mempunyai pendapatan tetap) perlu mendaftar sebagai Ahli dibawah kategori **BUJANG**.

- 5.7 Ahli yang telah berpindah keluar dari **TAMAN PELANGI SEMENYIH** kekal aktif sehingga 31 Disember pada tahun semasa dan sekiranya mantan masih berminat untuk membuat sumbangan, beliau akan menjadi Ahli Bersekutu.
- 5.8 Tempoh matang pendaftaran ahli BKK yang baharu ialah **Satu bulan** (1) selepas diluluskan.
- 5.9 AJK Surau mempunyai kuasa untuk menerima atau menolak sesuatu permohonan untuk menjadi Ahli atas alasan yang munasabah.
- 5.10 Ahli yang bertindak dengan apa-apa cara sehingga boleh mendatangkan nama buruk atau kerugian kepada surau dan tabung khairat, boleh digugurkan daripada menjadi Ahli oleh BKK. Walau bagaimanapun Ahli yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan rayuan secara bertulis (e-mel) kepada AJK Surau dalam masa 14 hari. E-mel rayuan perlu dihantar ke alamat bkkannurtps@e-khairat.com

6. FASAL 6: KADAR SUMBANGAN PERSERTA

- 6.1 Kadar sumbangan pendafrtran **keahlian seumur hidup** ialah sebanyak **RM 5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja)**.
- 6.2 Yuran tahunan keahlian bermula **2025** adalah sebanyak **RM50.00(Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** bagi kategori **KELUARGA** dan **RM25.00(Ringgit Malaysia : Dua puluh Lima Sahaja)** bagi kategori **BUJANG**.
- 6.3 Manakala bagi **TUNGGAKAN** untuk tahun **2024** dan kebawah, Ahli perlu melangsakannya mengikut tarif lama iaitu **RM36.00** Setahun.
- 6.4 Kaedah Pembayaran Sumbangan keahlian;

- 6.4.1 Sumbangan yang dibuat selain daripada sistem e-Khairat melalui **toyyibPay** (Digalakkan guna toyyibPay kerana tiada kos dikenakan) **atau**
- 6.4.2 Perlu bayar secara **online banking** ke akaun Bank Islam : **12195010001032 atas nama Tetuan Surau An-Nur Taman Pelangi Semenyih** dan bukti bayaran perlu dihantar kepada BKK menerusi e-mel bkkannurtps@e-khairat.com **atau**
- 6.4.3 Bayaran secara Tunai kepada Bendahari BKK beserta **borang** yang disediakan.
- 6.4.4 **Tiada** Resit bayaran secara manual akan dikeluarkan kecuali untuk kes-kes tertentu. Resit boleh rujuk didalam sistem e-Khairat.
- 6.5 AJK Surau mempunyai kuasa untuk menyemak semula kadar sumbangan tahunan yang diputuskan dalam Mesyuarat Tabung Khairat.

7. FASAL 7: MANFAAT TABUNG

7.1 Kadar bantuan kematian :

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	Kematian Ahli kategori KELUARGA / BUJANG	1,800.00
2	Kematian Suami / Isteri Ahli	1,800.00
3	Kematian Anak Kandung (yang belum berkahwin)	1,800.00
4	Bayi dan kanak-kanak bawah 1 tahun	500.00
5	Kematian Anak Angkat yang disahkan undang-undang	1,500.00
6	Ibu Bapa (Sendiri/Mentua) yang tinggal bersama	1,500.00
7	Isteri kedua dan seterusnya yang tinggal bersama (Berpoligami)	1,500.00
8	Ahli Bersekutu	1,500.00
9	Datuk dan Nenek (Yang Tinggal Bersama)	1,000.00

- 7.2 Kos pengurusan jenazah adalah seperti di Lampiran A (Tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa)
- 7.3 Kadar manfaat akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan tertakluk kepada perubahan.

8. FASAL 8: SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

- 8.1 Hanya nama yang tersenarai dalam daftar ahli sahaja yang akan dibayar manfaat atas kematian. Penuntut hendaklah mengemukakan salinan sijil kematian yang sah.
- 8.2 Jika berlaku kematian Ahli dan tanggungan, lebihan bantuan selepas ditolak wang pengurusan akan dibayar kepada waris terdekat.
- 8.3 Ahli yang tiada tunggakan pada tahun semasa akan mendapat tanggungan penuh mengikut kelayakan.
- 8.4 Ahli yang tidak membayar selepas **JUN** tahun semasa dan tahun sebelum. Jika ada kematian. Pengurusan hanya akan menanggung separuh daripada kos pengurusan dan selebihnya akan ditanggung oleh waris.
- 8.5 Ahli yang gagal membayar yuran selain dari fasal 8.4, tidak berhak mendapat sebarang bantuan kewangan jika berlaku kematian, walaupun yuran dan tunggakan dibayar selepas kematian. Kos akan ditanggung waris.
- 8.6 Untuk yang bukan Ahli, jika ada kematian, Badan Khairat An Nur akan menguruskan jenazah dan segala kos akan ditanggung oleh waris terdekat kecuali golongan Asnaf/Fakir yang diiktiraf oleh badan tertentu.
- 8.7 Ibu Bapa yang tinggal secara bergilir di rumah anak (Ahli). Jika meninggal sewaktu jagaan anak di Taman Pelangi Semenyih, Badan Khairat akan menanggung urusan pengurusan. Jika meninggal **diluar jagaan** anak di TPS, Badan Khairat tidak menanggung kos pengurusan.

9. FASAL 9: PROSEDUR TUNTUTAN

- 9.1 Peserta hendaklah melengkapkan borang tuntutan (Lampiran B) dan menyertakan dokumen sokongan berikut:
 - 9.1.1 Sijil kematian.
 - 9.1.2 Salinan kad pengenalan penuntut.
- 9.2 Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh (3) bulan dari tarikh kematian (Jika tidak diuruskan oleh BKK).
- 9.3 Borang perlu diserahkan kepada BKK.
- 9.4 Tuntutan akan dibayar terus ke dalam akaun penuntut yang didaftarkan.
- 9.5 Sebarang tuntutan berpandukan sijil kematian bagi menentukan jumlah manfaat.

10. FASAL 10: KEWANGAN

- 10.1 Dana yang terkumpul akan disimpan di dalam akaun **Bank Islam** atas nama **Surau An-Nur Taman Pelangi Semenyih**.
- 10.2 Pengeluaran:
 - 10.2.1 Dua (2) penama dilantik sebagai pemegang akaun ialah Pengerusi dan Bendahari .
 - 10.2.2 Semua pengeluaran wang tunai / cek perlu ditandatangani oleh dua (2) orang penama di para 10.2.1.
 - 10.2.3 Semua pengeluaran hanya boleh dibuat bagi tujuan pembayaran manfaat kepada ahli seperti mana fasal 7.
 - 10.2.4 Pengeluaran selain daripada tujuan bagi fasal 7, perlulah mendapat persetujuan di dalam mesyuarat AJK **Surau An-Nur TPS**.
- 10.3 Peruntukan terhad sebanyak **RM3,000** kepada BKK sebagai peti simpanan tunai.

11. FASAL 11: PENTADBIRAN

- 11.1 Badan yang menguruskan perjalanan tabung khairat ini ialah BKK Surau An-Nur Taman Pelangi Semenyih, yang dikawal selia sepenuhnya oleh JK Surau An-Nur.
- 11.2 BKK dalam mesyuaratnya boleh memberikan tafsiran terhadap Syarat dan Peraturan ini dan membuat keputusan tentang perkara-perkara yang tidak terkandung di dalamnya. Keputusan mesyuarat tabung khairat adalah muktamad sehingga dipinda atau dibatalkan oleh Mesyuarat Agung Surau.
- 11.3 AJK Surau melalui Mesyuarat Agung berkuasa meminda atau membatalkan mana-mana keputusan mesyuarat Tabung Khairat yang mana pada pandangannya tidak sesuai, merugikan atau mengenenpikan kebajikan ahli.
- 11.4 Perlembagaan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang difikirkan sesuai untuk kebajikan bersama atau sekiranya berlaku sesuatu diluar jangkaan atau kemampuan Tabung Khairat.

12. FASAL 14: LAIN-LAIN PERKARA

- 12.1 Ahli Tabung Khairat tidak boleh menuntut apa-apa bayaran yang telah disumbangkan (Jika berpindah atau tidak mahu meneruskan sebagai Ahli).
- 12.2 Kadar penggunaan Tabung Khairat untuk tujuan aktiviti Surau yang berkaitan dengan Badan Khairat boleh ditentukan oleh AJK Surau dalam mesyuarat pada kadar 2 - 4% sahaja daripada jumlah keseluruhan.

LAMPIRAN A

KOS PENGURUSAN JENAZAH TABUNG KEBAJIKAN DAN KHAIRAT SURAU AN-NUR TAMANPELANGI, SEMENYIH. (SIANG) (Tertakluk kepada sebarang perubahan)		
BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	Penggali Kubur	500.00
2	Van Jenazah * jika jauh akan dkira mengikut kilometer.	180.00
3	Imam Solat Jenazah dan Talkin (Saguhati)	150.00
4	Mandi dan Kafan	350.00
5	Kain Kafan dan peralatan	170.00
6	Pengurusan dan Pembersihan	120.00
JUMLAH KESELURUHAN (Lebihan Baki Akan Diserahkan Kepada Waris)		1,470.00

LAMPIRAN A

KOS PENGURUSAN JENAZAH TABUNG KEBAJIKAN DAN KHAIRAT SURAU AN-NUR TAMANPELANGI, SEMENYIH (MALAM) (Tertakluk kepada sebarang perubahan)		
BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	Penggali Kubur	550.00
2	Van Jenazah (ikut jarak) * jika jauh akan dkira mengikut kilometer.	230.00
3	Imam Solat Jenazah dan Talkin (Saguhati)	150.00
4	Mandi dan Kafan	350.00
5	Kain Kafan dan peralatan	170.00
6	Pengurusan dan Pembersihan	120.00
JUMLAH KESELURUHAN (Lebihan Baki Akan Diserahkan Kepada Waris)		1,570.00

**BORANG TUNTUTAN KHAIRAT KEMATIAN SURAU AN-NUR
TAMAN PELANGI SEMENYIH, SELANGOR**

Pengurusan Jenazah (✓)

() Diuruskan BKK

() Diurus sendiri

No. Akaun : _____

MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon : _____

Alamat / Unit : _____

No. K/P : _____ No. Telefon : _____

No. Ahli : _____

MAKLUMAT SI MATI

Nama Si Mati : _____

No. K/P : _____ Hubungan : _____

DOKUMEN WAJIB YANG DIPERLUKAN (✓)

	Sijil Kematian
	Salinan Kad Pengenalan Penuntut

PERAKUAN PEMOHON (WARIS)

Saya _____ No. K/P _____

dengan ini mengaku bahawa maklumat di atas dan dokumen yang diberikan adalah benar.

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

KEGUNAAN PEJABAT

Diuruskan oleh :	Kelulusan : <i>Lulus / Tidak Lulus</i>
	Kadar Bantuan : _____
	Catatan : _____
Tandatangan : _____	Tandatangan : _____
Nama : _____	Nama : _____
Tarikh : _____	Jawatan : _____
	Tarikh : _____